

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK KAD KREDIT

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda menetapkan untuk melangani Kad Kredit Hong Leong. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

Hong Leong Bank Berhad
Kad Kredit
Tarikh:
1. Apakah produk ini?

Ini adalah Kad Kredit Hong Leong untuk digunakan terutamanya untuk pembayaran barangan dan perkhidmatan. Jika apa-apa amaun kredit yang digunakan oleh Pemegang Kad tidak dijelaskan penuh oleh Pemegang Kad pada/atau sebelum tarikh matang, maka amaun yang belum jelas itu akan dikenakan caj kewangan.

2. Apakah saya peroleh daripada produk ini?
Had kredit

laitu barisan kredit pusingan yang diluluskan oleh Bank, berdasarkan kelayakan Pemegang Kad.

Jenis kad	Had kredit minimum (RM)
Travel cards	
Hong Leong Infinite  (Visa)	100,000
Hong Leong Infinite Doctor's Edition (Visa)	12,000
Hong Leong Infinite (Visa)	45,000
Emirates HLB World Elite (Mastercard)	60,000
Emirates HLB World (Mastercard)	20,000
Emirates HLB Platinum (Mastercard)	12,000
AirAsia Platinum (Visa)	12,000
AirAsia Gold (Visa)	2,000
Kad Perniagaan	
Platinum Business (Mastercard)	12,000

Jenis kad	Had kredit minimum (RM)
Kad pulangan tunai	
WISE Gold (Visa)	2,000
Essential (Visa)	2,000
The Store and Pacific Platinum (Mastercard)	12,000
The Store and Pacific Gold (Mastercard)	2,000
Kad mata ganjaran	
Sutera Platinum (Visa/Mastercard)	12,000
Gold (Visa/Mastercard)	2,000
GSC Platinum (Visa/Mastercard)	12,000
GSC Gold (Visa/Mastercard)	2,000
Kad sederhana	
I'm (Mastercard)	2,000

PERHATIAN: Kelayakan pendapatan minimum bagi pemegang kad kredit baharu ditetapkan RM24,000 setahun. Pemegang Kad Kredit yang bergaji RM36,000 setahun atau kurang hanya boleh memegang kad kredit daripada maksimum dua (2) penerbit. Selain itu, had kredit maksimum yang diberi kepada pemegang kad kredit tidak boleh melebihi 2 kali pendapatan bulanan bagi setiap penerbit.

• Pemegang Kad akan dikenakan caj kewangan atas semua baki tertunggak termasuk faedah dan fi (tidak termasuk Caj Pembayaran Lewat) asalkan baki semasa penyata terdahulu pemegang kad tidak dibayar penuh sebelum tarikh matang bayaran.

(i) Pembelian Runcit

Akan dikira secara harian selepas tempoh tanpa faedah asalkan baki semasa penyata terdahulu pemegang kad dibayar penuh sebelum tarikh matang bayaran. Jika tidak, faedah akan dikira secara harian dari tarikh pencatatan masing-masing. Caj kewangan adalah berbeza mengikut setiap akaun berdasarkan pola bayaran balik pemegang kad sejak 12 bulan lalu seperti berikut:

Pola bayaran pemegang kad	Kadar faedah runcit
Pemegang kad yang segera menjelaskan bayaran balik minimum selama 12 bulan berturut-turut	15% setahun
Pemegang kad yang segera menjelaskan bayaran balik minimum 10 bulan atau lebih dalam pusingan 12 bulan; dan	17% setahun
Pemegang kad yang tidak tergolong dalam kategori-kategori di atas	18% setahun

Untuk menikmati caj kewangan lebih rendah bagi transaksi runcit, anda perlu membuat sekurang-kurangnya 10 bayaran segera dalam 12 bulan lepas.

(ii) Pendahuluan tunai

• 18% setahun daripada amaun belum jelas dikira secara harian dari tarikh transaksi sehinggalah tarikh bayaran balik penuh.
 • (Bagi kad Essential sahaja) 10.8% setahun dikira secara harian, dari tarikh transaksi. Akan tetapi, jika pemegang kad gagal membayar apa-apa baki belum jelas kepada Hong Leong Bank Berhad ("Bank"), maka Bank adalah berhak mengenakan kadar standard 18% setahun.

PERHATIAN: Had pengeluaran tunai maksimum sehari adalah bergantung kepada Had Tunai tersedia bagi kad anda dan had pengeluaran semasa mana-mana ATM bagi pengeluaran tunai melalui ATM, mengikut mana yang lebih rendah

(iii) Pindahan Baki

Kadar faedah berbeza bergantung kepada tempoh yang dipilih/tempoh ansuran. Sila rujuk Helaiian Pendedahan Produk Pindahan Baki.

• Pemegang kad adalah berhak menerima:

Jenis Ganjaran	Jenis Kad
Pulangan Tunai	
<ul style="list-style-type: none"> Pulangan Tunai 0.4% bagi semua transaksi insurans Bagi transaksi runcit lain* <ul style="list-style-type: none"> Tingkat 1 - Pulangan Tunai 0.4% bagi Perbelanjaan RM7,000 yang pertama Tingkat 2 - Pulangan Tunai 1% bagi perbelanjaan seterusnya 	Essential
Berkuat kuasa pada 1 Julai 2019	
<ul style="list-style-type: none"> Dengan perbelanjaan minimum RM500: <ul style="list-style-type: none"> Untuk kategori Petrol, Barangan Runcit dan Makan, nikmati pulangan tunai sebanyak 8% pada hujung minggu dan pulangan tunai sebanyak 1% pada hari minggu. Setiap kategori dihadkan pada pulangan tunai sebanyak RM18 sebulan. Untuk semua Transaksi Runcit lain yang sah* (kecuali Petrol, Barangan Runcit dan Makan) akan menikmati pulangan tunai sebanyak 0.25% Dengan perbelanjaan RM500 ke bawah, nikmati pulangan tunai sebanyak 0.25% ke atas semua Transaksi Runcit yang sah*. 	WISE
Semua Transaksi Runcit sah akan diberi Pulangan Tunai (dalam bentuk baucar The Store/Pacific) <ul style="list-style-type: none"> 3% bagi perbelanjaan RM1,500 pertama di The Store/Pacific 6% bagi perbelanjaan RM1,501 seterusnya dan lebih di The Store/Pacific 0.5% bagi semua Transaksi Runcit lain*. Perhatian: Tertakluk kepada rebat tunai maksimum RM75 setiap kitar pembilan bagi amaun yang dibelanjakan di The Store/Pacific.	The Store /Pacific
Mata Ganjaran	
Semua Transaksi Runcit sah* akan diberi Mata Ganjaran	Sutera Platinum/Gold/GSC
MAS Enrich Miles	
Semua Transaksi Runcit sah* akan diberi MAS Enrich Miles berdasarkan: <ul style="list-style-type: none"> Tempatan : RM2.8 = 1 mile Luar Negara : RM1.8 = 1 mile 	Hong Leong Infinite  / Infinite / Infinite Doctor's Edition
Skywards Miles	
Semua Transaksi Runcit sah* akan diberi Skywards Miles berdasarkan:	
World Elite <ul style="list-style-type: none"> Emirates RM4 = 2.5 Skywards Miles Luar Negara RM4 = 1.75 Skywards Miles Tempatan RM4 = 1 Skywards Miles 	Emirates HLB
World <ul style="list-style-type: none"> Emirates RM4 = 2 Skywards Miles Luar Negara RM4 = 1.5 Skywards Miles Tempatan RM4 = 1 Skywards Miles 	
Platinum <ul style="list-style-type: none"> Emirates RM4 = 1.5 Skywards Miles Luar Negara RM4 = 1.25 Skywards Miles Tempatan RM4 = 0.5 Skywards Miles 	

Jenis Ganjaran	Jenis Kad
AirAsia BIG Points Semua Transaksi Runcit* sah akan diberi mata AirAsia BIG Points berdasarkan: • Transaksi AirAsia : RM1 = 6 BIG Points (Gold & Platinum) • Luar Negara : RM2 = 1 BIG Point (Gold & Platinum) • Tempatan : RM3 = 1 BIG Point (Platinum) RM5 = 1 BIG Point (Gold)	AirAsia

*Transaksi Runcit (tempatan dan antarabangsa) KECUALI semua transaksi berkaitan dengan Kerajaan dan JomPAY, Pendahuluan Tunai, Kuasi Tunai transaksi berkaitan pertaruhan dan perjudian), Call-For-Cash, Call-For-Cash Plus, Pelan Bayaran Fleksi, Pindahan Baki, Transaksi Petrol, Caj Kewangan, Caj Pembayaran Lewat dan Bayaran Fi Tahunan kecuali bagi kad Essential, Sutra Platinum, WISE, AirAsia, Hong Leong Infinite dan Emirates HLB di mana ini transaksi petrol akan diberi ganjaran.

3. Apakah obligasi saya?

Bayaran balik bulanan minimum	<ul style="list-style-type: none"> i. sekurang-kurangnya 5% daripada jumlah baki tertunggak [merujuk kepada jumlah amaun Transaksi Runcit (jika ada), amaun Pindahan Baki (jika ada) yang mana pelan Pindahan Baki bukan secara ansuran, amaun Pendahuluan Tunai (jika ada), Caj Kewangan dan yuran (jika ada)], ii. 100% Cukai iii. 100% semua ansuran bulanan yang dikontrak (termasuk ansuran bulanan untuk Penukaran Baki Automatik, Pelan Pembayaran Lanjutan dan pelan ansuran lain yang tersedia dari semasa ke semasa) iv. Mana-mana Bayaran Minimum Perlu Dibayar dari penyata bulan sebelumnya yang belum dibayar, dan, v. 100% mana-mana amaun lebih had (merujuk kepada amaun melebihi Had Kredit Ditetapkan atau Had Kredit Ditentukan) atau RM50, yang mana lebih tinggi (atau peratus atau jumlah lain seumpamanya seperti yang mungkin ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa); atau penyelesaian baki yang belum dibayar.
Tempoh tanpa faedah bagi transaksi pembelian runcit	<ul style="list-style-type: none"> • 20 hari dari tarikh penyata asalkan baki semasa dalam penyata dahulu Pemegang Kad dibayar penuh sebelum tarikh matang bayaran. Jika tidak, faedah akan dikenakan atas transaksi pembelian runcit dari tarikh pencatatan masing-masing. • Pemegang Kad Utama akan bertanggungjawab terhadap segala baki belum jelas yang ditanggung atas Kad Utama dan/atau Kad Tambahan. Pemegang Kad Tambahan adalah bertanggungjawab terhadap baki belum jelas yang ditanggung atas Kad Tambahannya sahaja.

4. Apakah fi dan caj yang saya kena bayar?

Fi Penggantian Kad (Tidak terpakai kepada Kad Kredit I'm)

• Sebarang penggantian kad akan dikenakan Fi Kad Gantian sebanyak RM50 (atau apa-apa amaun yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa)

Transaksi Luar Negara

- Transaksi dalam Mata Wang Asing - Transaksi dalam Mata Wang Asing akan ditukar pada kadar pertukaran asing dan *spread*, jika ada, seperti ditentukan oleh Visa International, Mastercard International, dicampur sehingga 1% tokokan yang dikenakan oleh Bank. Tokokan 1% yang dikenakan oleh Bank tidak terpakai kepada Kad Kredit I'm.
- Transaksi dalam Ringgit Malaysia (RM) - Apa-apa fi pentadbiran yang dikenakan oleh Visa International atau Mastercard International.

Fi Pendahuluan Tunai (Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan, berbeza mengikut amaun pendahuluan tunai)

- Fi pendahuluan tunai ialah 5% daripada amaun didahulukan atau minimum RM20 mengikut mana yang lebih tinggi. Fi ini dikenakan atas setiap transaksi pendahuluan tunai.
- (Kad Essential sahaja) Fi pendahuluan tunai ialah 2% daripada amaun didahulukan atau RM5, mengikut mana yang lebih tinggi. Fi ini dikenakan atas setiap transaksi pendahuluan tunai. Bank berhak mengenakan kadar standard sebanyak 5% setiap transaksi atau RM20, mengikut mana yang lebih tinggi, menurut bud bicara mutlakny.
- (Bagi Kad Platinum Business sahaja) i) Pengeluaran melalui Cek. Tiada fi dikenakan. ii) Pengeluaran melalui ATM: Fi Pengeluaran Tunai ialah 3% daripada amaun didahulukan atau RM20, mengikut mana yang lebih tinggi. Fi ini dikenakan bagi setiap transaksi pendahuluan tunai. Bank berhak mengenakan kadar standard sebanyak 5% setiap transaksi atau RM20, mengikut mana yang lebih tinggi, menurut budi bicara mutlakny.

Fi Tahunan³

Jenis Kad	Utama	Tambahan	Perihal fi dan caj ³	Amaun (RM)
	Fi Tahunan (RM)	Fi Tahunan (RM)		
Kad Perjalanan				
Hong Leong Infinite [®] (Visa)	Tiada fi tahunan	Tiada fi tahunan	Cukai Perkhidmatan Kad Kredit (setiap kad)	25
Hong Leong Infinite (Visa)	Tiada fi tahunan	Tiada fi tahunan	Fi Penyata Bercetak (setiap penyata)	1
Hong Leong Infinite Doctor's Edition (Visa)	Tiada fi tahunan	Tiada fi tahunan	Dapatan semula draf jualan (setiap salinan) ¹	5
Emirates HLB World Elite (Mastercard)	2,500	Tiada fi tahunan	Fi permohonan penyata salinan cetak tambahan	20
Emirates HLB World (Mastercard)	1,200	Tiada fi tahunan	Fi penyertaan (setiap kad) ²	20
Emirates HLB Platinum (Mastercard)	250	Tiada fi tahunan	Fi pemrosesan tahunan (bagi kad The Store dan Pacific sahaja. Tiada fi pemrosesan tahunan dikenakan oleh The Store Card Sdn Bhd bagi tahun pertama. Bagi tahun seterusnya, fi pemrosesan tahunan akan dikenakan mengikut status keahlian berikut: The Store/Pacific Gold (setiap tahun) 20 The Store/Pacific Platinum (setiap tahun) 40	
AirAsia Platinum (Visa)	350	150	Ubah hala bagi Program Ganjaran Hong Leong dan fi hantar semula, fi nominal akan dikenakan bagi setiap penghantaran produk selepas percubaan penghantaran kali pertama tak berjaya di bawah Program Ganjaran Hong Leong: i) Fi ubah hala ke alamat berbeza (setiap permintaan) 10 ii) Fi hantar semula ke alamat sama (setiap permintaan) 10 iii) Ataupun, Pemegang Kad mempunyai pilihan menggunakan 2,500 Mata Ganjaran (PC.9000) untuk tolak fi ubah hala atau fi hantar semula berkenaan	
AirAsia Gold (Visa)	200	80	Fi berkaitan kemudahan cek (bagi kad Platinum Business sahaja) i) Permohonan/terbitan buku cek (setiap keping) 0.15 ii) Fi pemrosesan cek (berkuatkuasa 1 Jan 2015) (setiap cek diterbitkan) 0.50 iii) Pemusnahan buku cek tak diambil lebih 28 hari 30 iv) Cek dikembalikan Kerana dana tak cukup (setiap cek) 150 Kerana sebab teknikal (cth. pindaan)(setiap cek) 10 v) Henti bayaran Atas permintaan (setiap cek) 10 Kerana hilang buku cek (setiap arahan) 10 Bagi penyerahan cek henti:- • Jika dana cukup (setiap cek) 10 • Jika dana tak cukup (setiap cek) 150	
Kad Perniagaan				
Platinum Business (Mastercard)	400	200		
Kad Pulangan Tunai				
WISE Gold (Visa)	98	80		
Essential (Visa)	100	50		
The Store and Pacific Platinum (Mastercard)	300	150		
The Store and Pacific Gold (Mastercard)	150	75		
Kad Mata Ganjaran				
Sutra Platinum (Visa/Mastercard)	400	200		
Gold (Visa/Mastercard)	160	80		
GSC Platinum (Visa/Mastercard)	300	150		
GSC Gold (Visa/Mastercard)	150	75		
Kad Sederhana				
I'm (Mastercard)	Tiada fi tahunan	Tiada fi tahunan		

¹ Kecuali Kad Kredit I'm.

² Untuk Kad Kredit I'm sahaja.

³ Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan.

5. Bagaimana jika saya gagal menunaikan obligasi saya?

Caj Pembayaran Lewat

• Minimum RM10 atau 1% daripada jumlah baki belum jelas setakat tarikh penyata, mengikut mana yang lebih tinggi, tertakluk kepada maksimum RM100.00.

Hak tolak selesai

• Bank menurut budi bicaranya dan dengan memberi notis 7 hari kalendar boleh menolak-selesai apa-apa baki kredit dalam akaun anda yang ada dengan kami, terhadap apa-apa baki belum jelas dalam akaun kad kredit ini.

Tanggungjawab bagi transaksi tanpa kebenaran

Pemegang Kad tidak dipertanggungjawabkan terhadap transaksi tanpa kebenaran kad-hadir yang perlu kepada pengesahan PIN atau pengesahan tandatangan atau penggunaan kad tanpa sentuh, asalkan Pemegang Kad telah tidak:

- melakukan penipuan;
- lengah memberitahu Bank dengan secepat mungkin apabila mendapati Kad Kredit hilang atau digunakan tanpa kebenaran;
- sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain atau mana-mana pihak ketiga;
- mencatatkan PIN di atas Kad Kredit atau di atas apa-apa yang disimpan berdekatan Kad Kredit;
- tinggalkan Kad Kredit atau sesuatu benda yang mengandungi kad tanpa jagaan di tempat yang boleh dilihat atau dicapai orang lain; atau
- sukarela membiarkan orang lain menggunakan Kad Kredit

Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat penggunaan kad kredit, pihak kami berhak menamatkan Kad anda.

Tanggungjawab Pemegang Kad untuk:

- mematuhi terma dan syarat penggunaan kad kredit;
- mengambil langkah munasabah untuk memelihara keselamatan kad kredit dan PIN pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman Pemegang Kad. Ini termasuk tidak:
 - Mendedahkan butiran atau PIN kad kredit kepada sesiapa jua;
 - Mencatatkan nombor PIN di atas kad kredit, atau di atas apa-apa yang disimpan berdekatan kad;
 - Memilih nombor PIN mengikut tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon pemegang kad; dan
 - Membiarkan orang lain menggunakan kad kredit dan PIN.
- memberitahu Bank dengan secepat mungkin apabila mendapati Kad Kredit hilang, dicuri, transaksi tanpa kebenaran telah berlaku atau nombor PIN mungkin telah terdedah;
- memberitahu Bank dengan serta-merta sebaik sahaja menerima peringatan transaksi melalui SMS (khidmat pesanan ringkas) jika transaksi berlaku tanpa kebenaran;
- memberitahu Bank dengan serta-merta tentang perubahan nombor telefon pemegang kad;
- menggunakan kad kredit secara bertanggungjawab, jangan sekali-kali menggunakan kad kredit untuk aktiviti salah di sisi undang-undang; dan
- menyemak penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlelah-lelah lagi.

6. Bagaimana jika saya melangsaikan baki sebelum tarikh matangnya?

Tempoh terkunci - Berbeza bergantung kepada tempoh dipilih/tempoh ansuran

Penalti penyelesaian awal

Pindahan Baki : RM70 akan dikenakan jika Pemegang Kad melangsaikan baki sebelum luput tempoh yang dipilih.

Call-For-Cash Plus : RM25 akan dikenakan jika Pemegang Kad melangsaikan baki sebelum luput tempoh ansuran yang dipilih.

7. Apakah risiko-risiko utama?

- Dengan membuat bayaran balik bulanan minimum, anda akan mengambil masa lebih lama dan kos lebih banyak untuk menyelesaikan baki belum jelas. Fikirkan kemampuan anda untuk membayar semasa menggunakan kad kredit. Jika anda menggunakan kad kredit untuk membayar balik sebarang pembiayaan lain, kos yang anda tanggung menjadi lebih. Silalah berhubung dengan Bank untuk mendapatkan nasihat perancangan kewangan dan pilihan bayaran balik, jika perlu.
- Jika kad kredit anda dan/atau PIN anda hilang atau dicuri, atau setelah mendapati kad kredit hilang atau digunakan tanpa kebenaran, sila beritahu Bank dengan serta-merta di TALIAN TERUS +603-7626 8899

8. Apakah yang patut saya lakukan jika butiran hubungan saya berubah?

- Bank mestilah diberitahu tentang sebarang perubahan butiran hubungan seperti alamat emel, alamat surat-menyurat dan nombor telefon secepat mungkin demi memastikan segala amaran transaksi dan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk membuat pertukaran, anda boleh hubungi kami di 03-7626 8899. Bagi pelanggan Hong Leong Online, sila layari Hong Leong Connect Online Banking dan pilih "Setting" diikuti "Update Contact Info" (Kemas Kini Info Hubungan).

9. Bagaimanakah cara saya mendapatkan maklumat lebih lanjut?

- Jika anda menghendaki maklumat lebih lanjut mengenai kad kredit, sila rujuk risalah perbankan bertajuk "Credit Cards", boleh diapati di semua cawangan kami dan laman web www.bankinginfo.com.my
- Untuk mendapat maklumat terbaharu seperti terkandung dalam Kertas Pendedahan Produk dan terma & syarat produk kami secara lengkap, sila layari www.hlb.com.my. Sekiranya ditemui apa-apa percanggahan, maka maklumat terbaharu dan terma & syarat dalam laman web Hong Leong Bank akan diutamakan.
- Jika anda mengalami kerumitan membayar balik, sebaik-baiknya hubungi kami seberapa segera untuk membincangkan pilihan bayaran balik yang lain. Untuk ini pihak kami boleh dihubungi di:

Jabatan Kutipan Pengguna

Hong Leong Bank Berhad, Level 2, Tower A, PJ City Development, 15A, Jalan 219, Section 51A, Petaling Jaya, 46100 Selangor. Tel: +603-7959 1888 Faks: +603-7873 5555
Emel: HLBB-CreditControl*TL@hlbb.hongleong.com.my

- Ataupun, anda boleh gunakan perkhidmatan **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang bagi individu. Anda boleh hubungi AKPK di Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur. Tel. 03-2616 7766 Emel: enquiry@akpk.org.my
- POWER!** Rancangan (Pengurusan Wang Ringgit Anda), ditawarkan oleh AKPK, menganjurkan pengurusan wang berhemah dan disiplin kewangan kepada peminjam individu. Untuk mendaftar dan untuk mendapat maklumat lanjut, sila hubungi 03-2616 7766 atau layari laman web di www.akpk.org.my
- Jika ada sebarang kemusykilan, pertanyaan atau komen, sila telefon, emel atau faks kepada:

Service Recovery & Complaint Resolution – Customer Experience

Hong Leong Bank Berhad, 13A Floor, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Tel : 03-7626 8899 Faks : 03-7946 8888
Emel : HLOnline@hlbb.hongleong.com.my

- Sekiranya aduan atau kemusykilan anda tidak diselesaikan dengan baik oleh pihak kami, anda boleh hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel. 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 E-mel: bnmteletelink@bnm.gov.my

10. Produk-produk kad kredit yang lain

Lebih banyak keistimewaan ditampilkan bersama Kad-kad Kredit kami:

- Kad Touch'n Go - Kad sampingan yang dihubungkan dengan Kad Kredit Hong Leong anda
- Tambah nilai automatik RM100 setiap kali baki dalam Kad Touch'n Go mencecah bawah RM50.
- Call-for-Cash (CFC)
- Call-for-Cash Plus (CFC+)
- Pelan Bayaran Dilanjutkan (EPP)

Fi*	Amaun (RM)
Fi terbitan (setiap kad)	10
Fi penggantian kad (setiap kad)	10
Fi tambah nilai auto Touch'n Go	2

*Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan

PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN BALIK BAKI KAD KREDIT

Maklumat yang terkandung dalam kertas ini adalah sah setakat / /

Laman ini sengaja dikosongkan.